

**Kerajaan Berusaha Tingkatkan Jumlah Wanita Bekerjaya Kepada 55 Peratus
Menjelang 2015
Bernama
19 Disember , 2011**

JOHOR BAHRU, 19 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan berusaha meningkatkan jumlah wanita bekerjaya daripada 46 peratus kepada 55 peratus menjelang 2015, kata Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata ini kerana wanita, yang jumlahnya melebihi separuh penduduk Malaysia, perlu bekerja bukan sahaja untuk meningkatkan ekonomi keluarga tetapi juga ekonomi negara.

Shahrizat berkata untuk mencapai sasaran itu, kerajaan akan memperbaiki persekitaran agar lebih mesra wanita selain memastikan mereka masih boleh memberi tumpuan kepada keluarga masing-masing.

"Di samping itu, kita akan cuba membawa wanita yang berkelayakan, yang terpaksa berhenti kerja kerana sudah berkeluarga dan melahirkan anak, kembali dalam pasaran pekerjaan," katanya semasa sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Johor yang dirasmikan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari Isnin.

Ini termasuk usaha menjadikan 30 peratus wanita negara ini sebagai pengerusi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Abdul Ghani, dalam ucapannya, berkata wanita perlu diberi ruang dan peluang lebih besar dalam pelbagai bidang jika Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju.

Beliau berkata kecenderungan wanita meneroka pekerjaan selain bidang kebiasaan seperti perguruan dan kejururawatan menunjukkan mereka semakin diterima sebagai rakan kongsi lelaki dalam menjayakan aspirasi negara.

"Walaupun nisbah wanita berbanding lelaki dalam pelbagai bidang masih wujud, namun sudah banyak peningkatan diraih wanita sejak kebelakangan ini, terutamanya dalam bidang kritikal yang memacu kemajuan negara," katanya.

Abdul Ghani juga berkata penyertaan wanita sebagai tenaga kerja di Johor adalah sebanyak 45 peratus.

Beliau memaklumkan 70 peratus daripada 1,700 usahawan yang dilahirkan kerajaan negeri sejak 2002 hingga 2009 adalah wanita, manakala mereka yang bergiat dalam industri kecil dan sederhana seperti pengeluaran makan, herba, kraftangan serta bioteknologi, menyumbang nilai pengeluaran lebih RM50 juta.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635251>

